



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGLIBATAN BELIA DALAM POLITIK DI SELANGOR, MALAYSIA

ABDUL HADI BIN SAMSI

FEM 2014 20



PENGLIBATAN BELIA DALAM POLITIK DI SELANGOR, MALAYSIA

ABDUL HADI BIN SAMSI

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2014



PENGLIBATAN BELIA DALAM POLITIK DI SELANGOR, MALAYSIA

Oleh

ABDUL HADI BIN SAMSI

**Tesis yang dikemukakan kepada sekolah pengajian siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

Mac 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Penghargaan yang tidak terhingga dan teristimewa
Buat kakak-kakak, abang-abang, adik dan ahli keluarga lain dan paling
utama kakak Norizan Binti Samsi yang sangat ku sayangi...
Kalian adalah semangat ku untuk terus berjuang.
Jasa dan segala bantuan yang diberikan tidak akan dilupakan sampai
bila-bila.

Kepada Warga Asrama Damai Kuang
Terima kasih kerana telah membantu dalam segala aspek
Rohani, jasmani dan kewangan sepanjang menuntut ilmu...
Inilah asrama anak yatim paling terbaik
Mengajar penghuninya berjiwa besar dalam mengejar cita-cita.

Buat Ahli Jawatankuasa Penyeliaan
yang dihormati,
Terima kasih diatas bantuan, tunjuk ajar, dan bimbingan
Dari mula sehinggalah tesis ini berjaya disiapkan
Moga Allah mengrahmati usaha kalian.

Terakhir,
Buat rakan seperjuangan
Perjuangan kita belum berakhir.
"Berilmu Berbakti" perlu kita teruskan
Selagi nyawa dikandung badan.

***"Kekurangan Bukan Penghalang Untuk Berjaya. Usaha, Doa dan Tawakkal... Kunci
Kejayaan"***

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

PENGLIBATAN BELIA DALAM POLITIK DI SELANGOR, MALAYSIA

Oleh

ABDUL HADI BIN SAMSI

Mac, 2014

Pengerusi : Amaludin Ab. Rahman. Ph.D.

Fakulti : Ekologi Manusia

Penglibatan politik belia menunjukkan keadaan tidak menentu, terdapat segelintir belia melibatkan diri secara ekstrem dengan menyertai demonstrasi jalanan, perhimpunan haram serta membuat provokasi terhadap pihak berkuasa. Walau bagaimanapun terdapat juga yang pasif melibatkan diri dalam politik. Oleh yang demikian terdapat pelbagai pengaruh yang dapat mempengaruhi penglibatan politik belia antaranya pengaruh kepimpinan parti politik iaitu antara kepimpinan Barisan Nasional dengan kepimpinan Pakatan Rakyat, pengaruh media massa dan pengaruh persekitaran sosial. Maka tujuan kajian ini adalah untuk meneliti penglibatan politik belia di Selangor khususnya. Objektif khusus kajian ini adalah; (1) mengenal pasti tahap penglibatan politik golongan belia di Selangor, (2) mengenal pasti persepsi belia terhadap kepimpinan parti politik, media massa dan persekitaran sosial, (3) menentukan hubungan perkaitan antara pengaruh kepimpinan parti politik dengan penglibatan politik belia, (4) menentukan hubungan perkaitan antara pengaruh media massa dengan penglibatan politik belia, (5) menentukan hubungan perkaitan antara pengaruh persekitaran sosial dengan penglibatan politik belia, (6) menentukan perbezaan penglibatan politik belia antara kaum Melayu, Cina dan India di Selangor dan (7) Menentukan jangkaan pengaruh yang mempengaruhi penglibatan politik belia di Selangor. Kajian ini telah dijalankan ke atas 500 orang responden yang dipilih secara rawak di 9 buah daerah yang terdapat di Selangor dengan menggunakan kaedah pengiraan "*Probability Proportional to Size*" (*PPS*) *Cluster Sampling*. Data di kumpul dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur yang dibina sendiri.

Statistik deskriptif, ujian korelasi Pearson, analisis varians satu hala (ANOVA) dan regresi berganda digunakan untuk menganalisis data. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan politik belia di Selangor paling tinggi adalah responden akan keluar mengundi pada pilihan raya akan datang, iaitu seramai 391 orang (78.2%). Bagi tahap penglibatan politik majoriti belia menunjukkan pada tahap rendah dengan 325 orang (65.2%) tidak berminat untuk berkecimpung dengan aktiviti politik. Persepsi belia terhadap kepimpinan parti politik, media massa dan persekitaran sosial adalah pada tahap positif dengan pengaruh kepimpinan Barisan Nasional (BN) (64%) dan pengaruh kepimpinan Pakatan Rakyat (PR) (63%), pengaruh pengurusan BN (61%) dan PR (68%) serta pengaruh komunikasi BN (65%) dan PR (64%). Bagi pengaruh media massa (72%) dan pengaruh persekitaran sosial dibahagikan kepada tiga, iaitu pengaruh keluarga (56%), pengaruh rakan-rakan (56%) dan pengaruh masyarakat setempat (70%). Hasil daripada ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa tiada perkaitan yang signifikan antara pengaruh kepimpinan parti politik dengan penglibatan politik belia (Barisan Nasional; $r=0.68$, $p=0.127$, Pakatan Rakyat; $r=0.86$, $p=0.54$) manakala terdapat perkaitan yang signifikan antara pengaruh media massa dengan penglibatan politik belia ($r=0.268^{***}$, $p=0.00$) dan pengaruh persekitaran sosial dengan penglibatan politik belia ($r=0.348^{***}$, $p=0.00$). Hasil daripada ujian ANOVA menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam penglibatan politik di antara belia Melayu, Cina dan India ($F=0.492$, $p>0.05$). Hasil Ujian regresi berganda menunjukkan hanya pengaruh media massa dan pengaruh persekitaran sosial menyumbang secara unik terhadap penglibatan politik belia di Selangor ($F=19.517$, $p\leq 0.001$). Secara keseluruhan tahap penglibatan politik belia di Selangor berada pada tahap yang rendah, walau bagaimanapun pengaruh media massa dan persekitaran sosial mampu mempengaruhi penglibatan politik belia.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

YOUTH INVOLVEMENT IN POLITICAL INFLUENCE IN SELANGOR, MALAYSIA

By

ABDUL HADI BIN SAMSI

March, 2014

Chairman : Amaludin Ab. Rahman. Ph.D.

Faculty : Human Ecology

Youth political participation shows the uncertainty, there are those extreme youth involved in politic by attending street protests and there are certain people who are passively engaging in politics. There are many factors which affect political participation among youth. One of the factors is the influence of political parties of Barisan Nasional & Pakatan Rakyat. Other than that, the influence of mass media and the influence of the social environment are the factors contributing to youth involvement in politic. The aim of this study is to examine the political participation of youth in Selangor particularly. The specific objectives of this study are: (1) identify the level of political participation of the youth in the state, (2) identify the youth's perception of the leadership of political parties, the media and the social environment, (3) determine the relationship of the relations between the political leadership with the involvement youth politics, (4) determine the relationship of the connection between the mass media and youth political participation, (5) determine the relevance of the relationship between social environment influence the political participation of youth, (6) determining the difference between youth political participation of Malays, Chinese and Indians in Selangor and (7) To determine the influence of expectations that influence political participation of youth in the state. This study was performed on 500 randomly selected respondents in 9 districts in Selangor with a mathematical method "Probability proportional to Size" (PPS) Cluster Sampling. Data gathered using a structured questionnaire created and answered by the respondents. Descriptive statistics, Pearson correlation test, one-way analysis of variance (ANOVA) and multiple regressions was used to analyze the data. The results showed that the political involvement of youth in Selangor will be at the highest level when the respondents will be

voting in the upcoming election with 391 people (78.2%). For the majority of youth political participation showed low levels with 325 people (65.2%) not interested in were involved political activities. Perceptions of youth in the leadership of political parties, the media and the social environment is a positive influence on the leadership of Barisan Nasional (BN) (64%) and the influence of Pakatan Rakyat (PR) (63%), the influence of BN management (61%) and PR (68%) and the influence of BN communication (65%) and PR (64%). For the influence of the mass media (72%) and the influence of the social environment namely, the influence of family (56%), the influence of friends (56%) and the influence of the local community (70%). Results of the Pearson correlation test showed no significant correlation between the influence of political leadership with youth political involvement (Barisan Nasional; $r=0.68$, $p=0.127$, Pakatan Rakyat; $r=0.86$, $p=0.54$) while there was a correlation between the influence mass media and youth political participation ($r=0.268^{***}$, $p=0.00$) and social environment influence the political participation of youth ($r=0.348^{***}$, $p=0.00$). Results of ANOVA showed no significant differences in political participation among young Malays, Chinese and Indians ($F=0.492$, $p>0.05$). Multiple regression test result shows that only the mass media influence and the influence of the social environment contribute uniquely to political participation of youth in Selangor ($F=19.517$, $p\leq0.001$). Overall level of political participation of youth in Selangor is still at low level but influence of mass media and the social environment can play an important role as to influence the political participation of youth.

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah kerana dengan limpah kurninya tesis ini dapat disiapkan sepenuhnya. Setiap cabaran dan dugaan dapat ditempuhi dan segala pengalaman sepanjang tempoh pengajian menjadikan diri ini lebih mencintai dan menghargai ilmu. Paling teruja segala penat lelah berbayar apabila dikurniakan Ijazah Sarjana Sains Politik dan Kerajaan.

Buat Ahli Keluarga, terutamanya Norizan Samsi, Suhana Samsi, Suraya Samsi serta yang lain, terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bagi untuk terus diri ini menuntut ilmu, maafkan segala kesalahan dan minta halalkan wang ringgit dan apa jua bantuan yang diberikan. Bagi Asrama Anak-anak Yatim Damai Kuang, terutama ayahanda Tuan Haji Suhaimi Dzajuli, diri ini tidak mampu membalas apa-apa. Diharapkan ijazah sarjana ini dapat memberi keceriaan buat warganya.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat penyelia pengajian saya yang amat saya hormati, Dr. Amaludin Ab. Rahman diatas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Begitu juga ahli jawatankuasa penyeliaan yang lain, iaitu Dr. Ku Hasnita Ku Samsu yang turut membantu saya dalam penyelidikan sehingga tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan yang tidak jemu membantu terutama Encik Nasrul Amri Selamat, hanya ucapan terima kasih yang mampu diungkap. Semoga Allah membalasnya. Begitu juga rakan-rakan lain yang tidak putus-putus memberikan semangat ketika susah dan senang, serta sentiasa menyokong dan menyumbang pandangan tidak kira sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Diharapkan penyelidikan ini dapat dikongsikan bersama demi membangun dan memajukan negara.

Terima Kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Amaludin Ab. Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putera Malaysia
(Pengerusi)

Ku Hasnita Binti Ku Samsu, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putera Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putera Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

SENARAI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI PETA	xvii
SENARAI CARTA	xviii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Kerangka Konseptual	7
1.5 Objektif	8
- Umum	
- Khusus	
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Definisi Kajian	9
1.8 Teori Kajian	11
1.9 Rumusan	13
 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	14
2.2 Demografi	14
2.3 Pengaruh Kepimpinan Parti Politik	18
2.4 Pengaruh Media Massa	22
2.5 Pengaruh Persekitaran Sosial	25
2.6 Rumusan	27
 3 METODOLOGI	
3.1 Pendahuluan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	29
3.3 Lokasi Kajian	29
3.4 Pemilihan Sampel	31

3.5 Kaedah Pensampelan “ <i>Probability Proportional To Size</i> ” (PPS)	35
3.6 Instrumen Kajian	38
3.7 Pengumpulan Data	38
3.8 Penganalisis Data	39
3.9 Ujian Kebolehpercayaan Instrumen	39
3.10 Analisis Data Eksploratif (EDA)	41
3.10.1 Penglibatan Politik Belia	41
3.10.2 Pengaruh Kepimpinan Barisan Nasional	43
3.10.3 Pengaruh Kepimpinan Pakatan Rakyat	45
3.10.4 Pengaruh Media Massa	47
3.10.5 Pengaruh Persekitaran Sosial	49
3.11 Rumusan	51
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pendahuluan	53
4.2 Demografi Responden	53
4.3 Penglibatan Politik Belia Selangor	54
4.4 Tahap Penglibatan Politik Belia Di Selangor	56
4.4.1 Tahap Penglibatan Politik Belia Mengikut Jantina	57
4.4.2 Tahap Penglibatan Politik Belia Mengikut Bangsa	58
4.5 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Parti Politik	59
4.5.1 Pengaruh Kepimpinan	59
4.5.2 Pengaruh Pengurusan	61
4.5.3 Pengaruh Komunikasi	63
4.6 Persepsi Belia Terhadap Media Massa	66
4.7 Persepsi Belia Terhadap Persekitaran Sosial	69
4.7.1 Pengaruh Keluarga	69
4.7.2 Pengaruh Rakan-rakan	71
4.7.3 Pengaruh Masyarakat Setempat	73
4.8 Hubungan Perkaitan Antara Pengaruh Kepimpinan Parti Politik Dengan Penglibatan Politik Belia	76
4.9 Hubungan Perkaitan Antara Pengaruh Media Massa Dengan Tahap Penglibatan Politik Belia	78
4.10 Hubungan Perkaitan Antara Pengaruh Persekitaran Sosial Dengan Tahap Penglibatan Politik Belia	79
4.11 Perbezaan Tahap Penglibatan Belia Dalam Politik Antara Kaum	80
4.12 Jangkaan Pengaruh- Pengaruh Yang Mempengaruhi Tahap Penglibatan Politik Belia	82
4.13 Pandangan Belia Terhadap Kepimpinan Kerajaan Pusat	83

4.14 Pandangan Belia Terhadap Kepimpinan Kerajaan Negeri	83
4.15 Pandangan Berkaitan Usaha yang Mampu Menarik Minat Belia Terhadap Politik	84
4.16 Rumusan	85
5 RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	87
5.2 Rumusan Kajian	87
5.3 Kesimpulan Kajian	90
5.4 Implikasi Kajian	91
5.5 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	93
5.7 Rumusan	93
RUJUKAN	94
LAMPIRAN	100
BIODATA PELAJAR	127

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Pemilihan Keluar Mengundi Pada Pilihan Raya Ke-12 Mengikut Dewan Negeri	3
3.1 Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik Negeri Selangor 2010	32
3.2 Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Belia di Negeri Selangor 2010	33
3.3 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Belia di Negeri Selangor	35
3.4 Bilangan Kluster dan Responden Terpilih Mengikut Daerah di Selangor	36
3.5 Kebolehpercayaan Instrumen Penglibatan Politik Belia di Selangor	40
3.6 Deskriptif Data Bagi Skala Penglibatan Politik	41
3.6 Deskriptif Data Bagi Skala Pengaruh Kepimpinan Barisan Nasional	43
3.7 Deskriptif Data Bagi Skala Pengaruh Kepimpinan Pakatan Rakyat	45
3.8 Deskriptif Data Bagi Skala Pengaruh Media Massa	47
3.9 Deskriptif Data Bagi Skala Pengaruh Persekitaran Sosial	49
4.1 Ciri- Ciri Demografi Responden	53
4.2 Penglibatan Politik Belia Selangor	55
4.4.1 : Tahap Penglibatan Politik Belia Mengikut Jantina	57
4.4.2 : Tahap penglibatan Politik Belia Mengikut Bangsa	58

4.3	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Kepimpinan Parti politik	61
4.4	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Pengurusan Parti politik	63
4.5	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Komunikasi Parti politik	65
4.6	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Media Massa	68
4.7	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Keluarga	71
4.8	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Rakan-rakan	73
4.9	Purata Bagi Persepsi Positif dan Negatif Terhadap Pengaruh Masyarakat Setempat	75
4.10	Korelasi di antara Pengaruh Kepimpinan Parti Politik dengan Penglibatan Politik Responden	77
4.11	Korelasi di antara Pengaruh Media Massa dengan Penglibatan Politik Responden	79
4.12	Korelasi di antara Pengaruh Persekitaran Sosial dengan Penglibatan Politik Responden	80
4.13	Analisis ANOVA Bagi Perbandingan Penglibatan Politik Antara Kaum	81
4.14	Analisis Regresi Berganda Penglibatan Politik Belia di Selangor	82
4.15	Rumusan Hasil kajian Mengikut Hipotesis	86

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konsepsual Pengaruh Penglibatan Belia Dalam Politik di Selangor	7
1.2	Kerangka Teoretikal Pengkaji yang di Ubahsuai daripada teori Sosialisasi Politik oleh Michael Rush & Phillip Althoff serta Almond & Verba	12
3.1	Pecahan Responden Mengikut Kaum Bagi Setiap daerah di Selangor	37
3.2	Histogram Penglibatan Politik Belia di Selangor	42
3.3	Box Plot Penglibatan Politik Belia di Selangor	42
3.4	Histogram Pengaruh Kepimpinan Barisan Nasional	44
3.5	Box Plot Pengaruh Kepimpinan Barisan Nasional	44
3.6	Histogram Pengaruh Kepimpinan Pakatan Rakyat	46
3.7	Box Plot Pengaruh Kepimpinan Pakatan Rakyat	46
3.8	Histogram Pengaruh Media Massa	48
3.9	Box Plot Pengaruh Media Massa	48
3.10	Histogram Pengaruh Persekitaran Sosial	50
3.11	Box Plot Persekitaran Sosial	50

SENARAI PETA

Peta		Halaman
1	Kawasan- Kawasan Daerah Negeri Selangor	30



SENARAI CARTA

Carta	Halaman
4.1 Tahap Penglibatan Politik Belia di Selangor	57
4.2 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Kepimpinan Parti Politik	60
4.3 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Pengurusan Parti Politik	62
4.4 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Komunikasi Parti Politik	64
4.5 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Media Massa	66
4.6 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Keluarga	70
4.7 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Rakan-rakan	72
4.8 Persepsi Belia Terhadap Pengaruh Masyarakat Setempat	74

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Golongan belia merupakan tunjang utama kepada kesinambungan pembangunan sesebuah negara. Setiap individu mempunyai falsafah, autonomi dan kebebasan budaya terutamanya dalam menentukan hala tuju masing-masing (Phillip Mpofu, 2012) oleh yang demikian tidak hairanlah penglibatan politik oleh golongan belia kurang mendapat sambutan, dan golongan ini berpendapat bahawa politik hanya melibatkan mereka yang sudah berusia dan berkepentingan sahaja.

Belia kebanyakannya lebih cenderung untuk memfokuskan pelajaran dan pekerjaan bagi membina kehidupan yang lebih baik (Atory Hussain, 2012). Penglibatan belia dalam politik menunjukkan peningkatan terutama ketika era reformasi pada September 1998. Penglibatan golongan belia dalam politik semakin bertambah dan sudah mula membuka minda golongan muda untuk berkecimpung dalam arena politik tersebut. Bagi mereka reformasi tersebut banyak membantu membuka minda mereka untuk mengubah hala tuju politik negara supaya lebih segar dengan berlandaskan keadilan, hak asasi dan demokrasi yang lebih matang dan terbuka (Bahagian Pembangunan Belia Selangor, 2012). Walau bagaimanapun trend ini tidak berterusan dan mula menunjukkan trend penurunan terhadap penglibatan politik bermula tahun 2000-an kerana keadaan semasa yang kurang memberi ruang kepada golongan belia untuk terlibat dalam politik di samping golongan ini lebih memfokuskan pelajaran dan membina kerjaya masing-masing (Atory Hussain, 2012).

Pilihan raya umum ke-12 pada 8 Mac 2008 menjadi pilihan raya paling bersejarah dalam proses politik di Malaysia. Pilihan raya umum tersebut memaparkan parti pemerintah yang merupakan parti status quo dalam setiap pilihan raya umum negara, Barisan Nasional (BN) tewas di 82 kerusi Parlimen dan 198 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kepada Pakatan Rakyat (PAS, DAP dan PKR). Keputusan sedemikian telah menafikan dua pertiga majoriti dalam Parlimen dan BN kehilangan kuasa di empat negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan terus-menerus kecundang di Kelantan kepada PAS. Fenomena tersebut diibaratkan sebagai gelombang besar atau 'tsunami' yang melanda landskap politik negara yang tidak disangkakan (Mohd Fuad *et. al*, 2009).

Berkaitan sistem politik Malaysia. Negara mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan, iaitu suatu ideologi politik yang lahir dari evolusi pemikiran liberalisme dengan menekankan hak kebebasan bersuara. Sesebuah negara digelar demokrasi apabila wujudnya kebebasan bersuara, media massa yang bebas, pilihan raya diadakan secara konsisten, bebas dan adil serta pemerintahan berasaskan majoriti (Zaini, 2006).

Di Malaysia walaupun sistem demokrasi selalu dikritik dan dilabelkan tidak adil, tetapi sistem demokrasinya dilihat stabil dan dikaitkan sebagai model satu model "politik permuafakatan" yang sangat berjaya dalam menerangkan politik masyarakat majmuk (Mujibu, 2009). Oleh sebab itu setiap parti politik perlu memastikan sokongan golongan muda, iaitu belia berterusan bagi memastikan parti terus relevan untuk menerajui negara pada masa akan datang.

Berdasarkan cabaran bagi meraih sokongan golongan belia, telah membuka mata parti-parti politik untuk mendekatkan lagi parti dengan golongan muda, ini kerana setiap parti tahu bahawa golongan muda merupakan tunjang utama kepada kesinambungan sesuatu parti. Menurut Eektein hubungan autoriti terutamanya dalam mewujudkan suasana yang harmoni antara rakyat dan kerajaan serta antara parti dengan ahli akan mengurangkan tekanan seterusnya membawa kepada kejayaan dalam sesuatu pentadbiran tersebut, (H. H. Ecktein, 1966).

Menurut Fuad Hassan golongan belia adalah aset terpenting kepada kerajaan mahupun pembangkang terutama dalam memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 kerana golongan ini mewakili 77.9 peratus daripada pengundi berdaftar. Oleh sebab itu parti-parti yang bertanding perlu berusaha keras bagi memastikan belia memberikan sokongan kepada parti mereka (Zulkifli Jalil & Kamil Maslih, 2012).

Bagi menarik minat belia terhadap politik pelbagai aktiviti telah dirancang dan dijalankan bagi menarik minat golongan belia untuk lebih aktif dan peka terhadap perkembangan politik semasa antaranya Barisan Nasional telah menganjurkan aktiviti berbentuk sukan dan hiburan melalui Program "*BN Youth*" manakala antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti *BN Youth Mucis 2011* yang telah diadakan di Petaling Jaya, Selangor (Pemuda Umno Malaysia, 2011). Bagi PAS pula melalui kerajaan Negeri Selangor telah menjalankan Program Kemahiran untuk Belia. Program ini dijalankan bagi membantu belia-belia di Selangor untuk meningkat sesuatu kemahiran seterusnya dapat membantu golongan tersebut untuk mendapat pekerjaan (Pas Selangor, 2012).

Program-program yang dijalankan ini mampu meningkatkan minat dan menambahkan lagi penglibatan golongan belia seterusnya mampu mempengaruhi faktor keluar mengundi bagi memilih wakil rakyat mereka dan perkara ini perlu di titik beratkan kerana menurut statistik Pilihan Raya Ke- 12, di Selangor hanya 1.18 juta daripada 1.53 juta sahaja yang keluar mengundi. Faktor ini terdorong daripada kurangnya kesedaran mengundi oleh golongan belia (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, Selangor telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana merupakan kawasan paling strategik dalam pentadbiran perniagaan dan ekonomi, ditambah pula Selangor yang mempunyai kelengkapan infrastruktur dan jaringan industri yang baik telah menjadikan Selangor sebagai negeri maju yang telah di wartakan pada 27 Ogos 2005 oleh kerajaan Malaysia. Oleh sebab itu tidak hairanlah Selangor menjadi rebutan kepada mana-mana parti politik untuk mentadbirnya (Noor Alia, 2009).

**Jadual 1.1 : Pemilih Keluar Mengundi Pada Pilihan Raya Ke- 12 (2008)
Mengikut Dewan Undangan Negeri**

Bil	Negeri	Jumlah Pemilih	Keluar Mengundi	
			Jumlah	%
1.	Perlis	120,081	97,386	81.1
2.	Kedah	873,674	697,384	79.8
3.	Kelantan	735,417	607,674	82.6
4.	Terengganu	521,597	443,182	85.0
5.	Pulau Pinang	709,323	553,755	78.1
6.	Perak	1,196,160	871,731	72.9
7.	Pahang	603,242	464,826	77.1
8.	Selangor	1,536,111	1,187,511	77.3
9.	Negeri Sembilan	462,015	354,596	76.7
10.	Melaka	371,594	297,179	80.0
11.	Johor	1,321,120	997,817	76.0
12.	Sabah	786,142	544,185	69.2

Sumber : Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)

Menurut statistik keluar mengundi Suruhanjaya Pilihan Raya, pada tahun 2008 Terengganu mencatatkan peratusan keluar mengundi tertinggi, iaitu sebanyak 85% diikuti Kelantan sebanyak 82.6%. Paling sedikit peratusan keluar mengundi Pilihan Raya ke-12 adalah Sabah, iaitu 69.2%. Selangor hanya mencatatkan peratusan keluar mengundi sebanyak 77.3%, iaitu pada tahap sederhana. Ini menunjukkan kesedaran mengundi masih belum menyeluruh bagi rakyat Negeri Selangor. Statistik keluar mengundi mengikut negeri boleh dilihat pada Jadual 1.1.

Tuntasnya, walaupun terdapat banyak kajian-kajian lepas berkaitan penglibatan belia dalam politik tetapi kajian ini mempunyai perbezaan dan kelainan dari segi latar masa kajian, iaitu merupakan kajian terkini dan juga objektif kajian mencakupi persepsi belia terhadap kepimpinan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat di Selangor, yang mana tidak terdapat pada kajian-kajian lepas.

Selain daripada itu kajian ini amat penting bagi melihat sejauh mana tahap penglibatan belia dalam politik dan pengaruh paling mempengaruhi penglibatan belia dalam politik akan dapat dikenal pasti.

1.2 Penyataan Masalah

Corak pilihan raya yang berlaku pada masa kini menunjukkan penglibatan golongan belia amat meruncing. 60 peratus daripada 3.7 juta rakyat Malaysia yang tidak daftar mengundi adalah terdiri daripada golongan belia lingkungan umur antara 21 hingga 30 tahun, dan faktor utama mereka tidak mendaftar adalah disebabkan golongan ini terlalu sibuk belajar dan masih mencari pekerjaan (Ahmad Atory Hussin, 2012).

Penglibatan politik bukan sahaja merujuk kepada peratusan keluar mengundi belia semata-mata, tetapi juga merujuk kepada penglibatan belia dalam persatuan badan bukan kerajaan (NGO). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Persatuan Belia Islam Malaysia (PEMBINA, 2010), belia Malaysia yang bergiat aktif dengan persatuan dan NGO hanyalah sekitar 2.9% sahaja, iaitu tahap yang sangat rendah. Selebihnya hanya mendaftar sebagai ahli kelab tetapi tidak bergiat aktif dalam persatuan. (Muhammad, 2010).

Penglibatan politik oleh golongan belia juga adalah rendah disebabkan kurang minat yang ditunjukkan. Hasil kajian Institut Penyelidikan

Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM, 2011) terhadap 3,509 orang belia lingkungan umur 15 tahun hingga 40 tahun hanya 44.7% sahaja yang berminat mengambil tahu hal berkaitan politik. Keadaan kurang minat terhadap politik ini menyebabkan penglibatan politik oleh belia kurang memberangsangkan dan dilihat agak lesu (IPPBM, 2011).

Menjelang Pilihan Raya ke 13 (PRU-13) pengundi muda lebih cenderung untuk menjadi pengundi *non-partisan*, iaitu tidak memihak mana-mana parti politik, ini kerana di sebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat dan juga media baru yang menyebabkan golongan ini tidak mengakses maklumat daripada media konvensional tetapi mencipta maklumat melalui pandangan sendiri (Abu Hassan Abdullah, 2010).

Pendapat ini dikukuhkan lagi melalui kajian yang telah dilakukan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yang mendapati 70 peratus golongan muda tidak meminati politik, 10 peratus prokerajaan dan 20 peratus bersifat keterbukaan. Perkembangan politik Malaysia telah mengalami defisit perwakilan politik sejak tahun 2010.

Parti-parti politik pada masa ini masih bergelut untuk mencari legitimasi politik bagi memenuhi janji-janji pilihan raya yang ke 12. Senario ini telah menimbulkan dilema kepada generasi muda untuk memilih mana-mana kerajaan terbaik yang boleh mewakili dan menyuarakan pendapat mereka sekali gus menjadi faktor utama untuk golongan belia ini untuk tidak mahu terlibat dengan politik (Sivamurugan Pandian, 2010).

Berdasarkan kesemua pernyataan masalah ini jelas menunjukkan bahawa kajian ini sangat penting untuk dijalankan, ini kerana dengan adanya kajian ini, dapat membantu mengenal pasti corak dan cara terbaik bagi sesebuah kerajaan menjalankan aktiviti-aktiviti atau program-program yang terbaik untuk dijalankan di samping dapat membantu golongan belia melibatkan diri dengan aktiviti yang dijalankan secara aktif dan sekali gus dapat melibatkan diri dalam sesebuah organisasi, melatih menjadi pemimpin yang baik dan akhirnya dapat melibatkan diri mereka untuk berkecimpung dalam dunia politik tanah air.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan terutamanya untuk pembangunan diri golongan belia, pembangunan untuk sesebuah organisasi dan seterusnya kajian ini memberikan kepentingan dalam pembangunan sesebuah negara.

Pertama, kajian ini dijalankan bertujuan adalah untuk melihat dengan lebih dekat sejauh mana penglibatan golongan belia dalam arena politik. Apabila kajian ini dijalankan secara keseluruhan dapat melihat kekerapan dan keinginan golongan tersebut untuk bergiat dalam politik, seterusnya melihat sejauh mana golongan sasaran bergiat dalam politik.

Kedua, kajian ini juga dapat membantu dalam mengetahui persepsi responden terhadap kepimpinan parti politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat, dan melalui kajian ini juga dapat melihat kenapa sesebuah parti politik tersebut menjadi pilihan kepada responden.


Ketiga, mengenal pasti pendekatan yang telah digunakan oleh mana-mana parti politik untuk mendekatkan diri mereka dengan golongan belia di samping dapat mengetahui bentuk program-program atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan atau tidak serta kesesuaian dengan kehendak golongan belia pada masa kini.

keempat, adalah untuk mengenal pasti kehendak dan keinginan golongan belia untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti mahupun program yang dijalankan seterusnya dapat mengenal pasti cara terbaik untuk golongan tersebut melibatkan diri secara aktif terutama dalam politik bagi meneruskan legasi kepimpinan yang bersifat adil dan kreatif dalam membangunkan negara pada masa hadapan.

Secara keseluruhannya kajian ini amat penting untuk dijalankan, ini kerana belia merupakan tonggak utama dalam memacu legasi kegemilangan dan kecemerlangan negara. Oleh yang demikian pihak tertentu terutamanya kerajaan mahupun pihak bukan kerajaan perlu mencari inisiatif bagi mendekatkan diri dengan golongan belia seterusnya dapat menarik lebih ramai lagi golongan tersebut untuk berkecimpung di dalam arena politik.

1.4 Kerangka Konseptual

Pengaruh Kepimpinan Parti Politik - Barisan Nasional	6	Penglibatan Politik Belia. 1. Mendaftar sebagai pemilih
---	----------	--



Rajah 1.1 : Kerangka Konsepsual Faktor Penglibatan Belia Dalam Politik di Negeri Selangor.

1.5 Objektif

Objektif Umum

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti penglibatan politik belia pada masa kini.

Objektif Khusus

1. Menenal pasti tahap penglibatan politik golongan belia di Selangor.
2. Menenal pasti persepsi belia Selangor terhadap pengaruh kepimpinan parti politik, media massa dan persekitaran sosial.
3. Menentukan hubungan antara pengaruh kepimpinan parti politik dengan tahap penglibatan politik belia.
4. Menentukan hubungan antara pengaruh media massa dengan tahap penglibatan politik belia.
5. Menentukan hubungan antara pengaruh persekitaran sosial dengan tahap penglibatan politik belia.
6. Menentukan perbezaan tahap penglibatan politik belia antara kaum Melayu, Cina dan India di Selangor.
7. Menentukan jangkaan pengaruh yang mempengaruhi penglibatan politik belia di Selangor.

1.6 Hipotesis Kajian

Ho1 : Tiada perkaitan yang signifikan antara pengaruh kepimpinan Barisan Nasional dengan tahap penglibatan politik belia.

Ho2 : Tiada perkaitan yang signifikan antara pengaruh kepimpinan Pakatan Rakyat dengan tahap penglibatan politik belia.

Ho3 : Tiada perkaitan yang signifikan antara pengaruh media massa dengan tahap penglibatan politik belia.

Ho4 : Tiada yang signifikan antara pengaruh persekitaran dengan tahap penglibatan politik belia.

Ho5 : Tiada perbezaan yang signifikan antara belia Melayu, Cina dan India dalam tahap penglibatan politik.

Ho6 : Tiada sumbangan yang bererti variabel pengaruh kepimpinan Barisan Nasional, pengaruh kepimpinan Pakatan Rakyat, pengaruh media massa dan pengaruh persekitaran terhadap tahap penglibatan belia dalam politik.

1.7 Definisi Istilah

Penglibatan politik

Konsepsual : Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4 menyatakan penglibatan adalah perihal melibatkan diri dalam persatuan atau dalam sesuatu hal iaitu sesuatu perkara. Manakala politik membawa maksud tentang ilmu pengetahuan berkenaan cara atau dasar-dasar pemerintahan sesuatu kerajaan.

Operasional : Kajian ini merujuk kepada penglibatan belia dalam politik yang dipengaruhi oleh kepimpinan parti politik sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat, pengaruh media massa dan pengaruh persekitaran sosial. Pengaruh politik juga merujuk kepada dasar dan bentuk pemerintahan oleh satu-satu kerajaan dan pendekatan yang telah digunakan untuk mendapatkan sokongan rakyat terutamanya golongan muda.

Golongan Belia

Konsepsual : Kamus Dewan mendefinisikan “Belia” merujuk kepada orang yang masih muda, pemuda dan merupakan golongan muda secara keseluruhan tidak kira sama ada lelaki atau perempuan.

Operasional : Kajian ini lebih memfokuskan kepada golongan belia lingkungan umur 21 hingga 40 tahun kerana golongan ini berada dalam lingkungan umur belia di Malaysia dan boleh mengundi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Demografi

Konsepsual : Demografi bermaksud mempelajari atau mengenal pasti budaya dan persekitaran sesuatu kawasan terutama tentang komposisi penduduk, struktur dan perkembangan sesuatu kawasan tersebut. (*Multilingual Demographic Dictionary*, 2012)

Operasional : Demografi dalam kajian ini pula adalah untuk menganalisis latar belakang responden seperti jantina, umur dan taraf pendidikan terhadap penglibatan dan kecenderungan minat politik bagi golongan sasaran iaitu belia.

Kepimpinan

Konsepsual : Konsep Islam pemimpin adalah sebagai Khalifah, Imamah, Qiyadah, Za'mah, Ri'asah dan Siyadah yang mana hiriki dalam kepimpinan islam dapat disahihkan melalui ayat Al- Quran dalam suruh Al- A'raf ayat142 yang bermaksud : Dan berkatilah Nabi Musa kepada saudaranya Nabi Harun (semasa keluar menerima Taurat). Gantikanlah aku dalam urusan memimpin kaum ku dan perbaikilah keadaan mereka sepanjang peninggalan ku, dan janganlah kamu mengikut jalan mereka yang melakukan kerosakan.

Operasional : Kepimpinan dalam kajian ini lebih memfokuskan kepada pengaruh kepimpinan parti politik sama ada Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat dan lebih menekankan keperibadian, perancangan pembangunan sosial dan ekonomi yang mampu menarik minat belia untuk mengundi pemimpin pada pilihan raya yang akan datang.

Media Massa

Konsepsual : Media massa adalah satu alat yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Alat ini juga berfungsi untuk mengatur kaedah-kaedah tertentu untuk menyebarkan maklumat khususnya maklumat daripada parti pemerintah bagi menguasai pendapat dan minda rakyat. Antara teknik yang digunakan adalah seperti pemilihan berita, tajuk berita, gambar-gambar yang digunakan dan cara berita dipersembahkan yang mana teknik-teknik ini mampu mempengaruhi pendirian orang ramai (Syed Arabi Idid, 1994).

Operasional : Kajian ini pula memfokuskan kepada dua jenis medium media massa iaitu media massa arus perdana yang terdiri daripada rangkaian televisyen dan akhbar-akhbar yang terdapat di Malaysia serta media massa alternatif yang diperoleh dan di akses dari blog- blog dan juga laman sesawang yang mana kesemua medium ini mampu mempengaruhi seseorang terutama golongan muda untuk terlibat dalam politik.

Persekitaran Sosial

Konsepsual : Persekitaran sosial merujuk kepada proses perbuatan atau tindakan yang boleh mengubah sesuatu keadaan atau sifat seseorang individu mengikut keadaan , sifat, tujuan atau situasi yang berlaku pada masa tertentu (Kamus Dewan edisi ke-4, 2012).

Operasional : Kajian ini melihat persekitaran sosial kepada pengaruh keluarga, rakan dan juga masyarakat sekeliling yang mampu mempengaruhi penglibatan dan hala tuju politik golongan belia yang terlibat.

1.8 Teori Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan pendekatan teori politik dikenal pasti bagi mengukuhkan kajian yang dijalankan. Teori ini juga penting bagi merungkai sesuatu perkara dengan lebih spesifik dengan cara proses pembentukan teori politik melalui pengamatan pelbagai fenomena politik yang berlaku dan berfungsi sebagai peramalan dan analisis di dalam bidang politik.

Teori bagi kajian ini adalah berkaitan sosialisasi politik iaitu merujuk kepada teori yang diperkenalkan oleh Michael Rush dan Phillip Althoff (1956). Menurut teori ini, sosialisasi politik merupakan pengaruh yang mampu mempengaruhi individu bagi mengenali sistem politik seterusnya menentukan persepsi terhadap gejala-gejala politik (Seta Basri, 2009).

Fungsi utama sosialisasi politik ini adalah, pertama untuk melatih individu mengenali dan mempelajari sistem pemerintahan sesebuah negara. Di Malaysia subjek sejarah dan kenegaraan diajar di peringkat sekolah dan universiti bagi membantu rakyatnya memahami undang-undang dan perlembagaan negara sekali gus melatih individu mematuhi undang-undang serta melibatkan diri dalam politik dengan antaranya mendaftar sebagai pemilih, mengundi pada setiap kali menjelang pilihan raya, melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti berbentuk politik, mendaftar sebagai ahli parti dan sebagainya.

Kedua memelihara sistem politik dengan menjaga dan mengekalkan sistem politik sedia ada yang telah dilaksanakan semenjak dahulu di samping sistem politik negara tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak luar. Pemeliharaan sistem politik juga adalah dengan mengekalkan jati diri seperti mengetahui bahasa ibunda, warna bendera, rukun negara dan cara pengamalan kehidupan seharian dengan menghormati budaya antara satu kaum dengan kaum yang lain

Setiap individu akan berinteraksi dengan orang lain dan ini mampu mempengaruhi individu tersebut. Dalam teori sosialisasi politik terdapat beberapa agen yang mampu mempengaruhi individu seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya, media massa, pemerintah dan parti politik.

Manakala menurut teori sosialisasi politik Almond dan Verba (1963) menekankan terhadap pengaruh penglibatan politik seseorang dipengaruhi oleh agen sosialisasi politik iaitu keluarga, masyarakat, media massa dan pemimpin. Pada sistem politik, keputusan dan tindakan politik individu berubah-ubah, sekiranya keputusan dan tindakan agen sosialisasi politik memuaskan, maka individu akan menyokong tindakan tersebut sekiranya tidak, akan menyebabkan penolakan dan tuntutan terhadap sesuatu perkara. (Almond & Verba, 1956)

Melalui agen sosialisasi politik yang terdapat pada teori Michael Rush dan Phillip Althoff dan teori Almond dan Verba amat berketepatan dengan kajian yang akan dijalankan iaitu mengenal pasti persepsi belia terhadap pengaruh kepimpinan parti politik, pengaruh media massa dan pengaruh persekitaran sosial merangkumi keluarga, rakan-rakan dan masyarakat setempat terhadap penglibatan belia dalam politik.

Tuntasnya teori sosialisasi politik bertepatan dan sesuai diguna pakai bagi kajian Pengaruh Penglibatan Belia Dalam Politik di Negeri Selangor dan menjadi garis panduan sepanjang kajian ini dijalankan. Bagi melihadengan lebih jelas berkaitan kerangka teori politik boleh dilihat pada rajah 1.2 di bawah.



Rajah 1.2 : Kerangka Teoretikal Pengkaji yang di Ubahsuai daripada teori Sosialisasi Politik oleh Michael Rush & Phillip Althoff serta Almond & Verba

1.9 Rumusan

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu menunjukkan tahap penglibatan politik belia berada pada tahap yang rendah. Setiap parti politik mempunyai strategi masing-masing untuk meraih sokongan anak muda untuk menyokong idealisme parti masing-masing. Selangor telah dipilih bagi kajian ini kerana negeri ini merupakan negeri maju yang telah diwartakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2005 di samping mempunyai jumlah penduduk yang ramai terutama golongan muda akan dapat membantu kajian ini bagi mendapatkan responden.

Sebanyak 7 objektif khusus dan 6 hipotesis kajian telah dirangka bagi memberikan panduan kajian ini. Definisi istilah merangkumi politik, demografi, kepimpinan, pengurusan, media massa dan persekitaran sosial dilakukan bagi mengenal pasti definisi secara konseptual iaitu melalui rujukan yang sedia ada dan definisi operasional memfokuskan kepada bahan kajian. Teori Michael Rush dan Phillip Althoff dijadikan sebagai panduan bagi kajian Pengaruh Penglibatan Belia Dalam Politik di Negeri Selangor kerana teori sosialisasi politik ini bertepatan dengan kajian untuk memfokuskan kepada pengaruh individu untuk terlibat dalam politik dapat dipengaruhi oleh agen sosialisasi politik seperti kepimpinan, rakan-rakan persekitaran sosial dan media massa.

- Abdul, R., M., S., Abdul, G., A., K., Abdullah, K., Ilias, M., S., & Lina, C., W. (2005). Kajian Impak Kempen Iklan Politik Melalui Media Terhadap Keputusan Pengundi Dalam Pemilihan Presiden Republik Indonesia 2004. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC), UITM Shah Alam.
- Agenda and Conditionalities on Cultural Sustainability In Zimbabwe. *Journal of Sustainable Development in Africa* (Volume 14, No.4, 2012) ISSN: 1520-5509
- Ahmad, A., H. & Malike, B. (2004). Politik Pentadbiran di Malaysia : Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik dan Kepimpinan Nasional.
- Ahmad, K., S. (2012). Di Sebalik Tuntutan Kebebasan Mahasiswa. Dimuat turun daripada <http://pembina.com.my/di-sebalik-tuntutan-kebebasan-mahasiswa/> pada 5 Jun 2012.
- Al- Quran Al-Karim, Suruh Al- A'raf Ayat142, Carian Pada 8 Mac 2012.
- Almond & Verba. (1963). Define Three Ideal Types of Political Culture- Parochial, Subject and Participant and Recommended Two-Step Approach. *Psychological Bulletin* Copyright by the American Psychological Association, Inc. Vol. 103, No. 3, 411-423 0033-2909/88.
- Almond & Verba. (1956). The Civic Culture
- Anon. (2009). Hubungan Politik Dengan pendidikan. Dimuat turun daripada <http://www.scribd.com/doc/57267505/Hubungan-Politik-Dan-Pendidikan> pada 7 April 2012.
- Ansir, S. & Ajis, L. (2008). Senario Pilihan Raya Ke-12 di Sabah: Antara Calon atau Parti. Prosiding Seminar Politik Malaysia. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Anuar, A. (2009). Persatuan Belia Perlu Sokongan, Memacu Aktivisme Belia Islam, Persatuan Belia Islam Malaysia, (PEMBINA).
- Azma, A., Shamila, M., S., Dang, M., H., & Shuhaidah, M., S. (2008). Kejian Kepentingan Mengundi di Kalangan Belia di Selangor. Universiti Teknologi Mara Malaysia.
- Azman Abas. (2011). BN Youth Music 2011 Tonjol Bakat Anak Muda Secara Demokrasi.
- Classical Liberalisme. (2013). Dimuat turun daripada <http://en.wikipedia.org> pada 18 Februari 2013.

- Converse, D. (1987). *Political Culture*. The Macmillan Press Ltd, London & Basingstoke. KK. 320-3510 4101.
- Daniele, S. () 2010). *Public Reason and Model of Judgement. From Political Theory to Political Theology*. ISBN: HB: 978-1-4411-1720-5
- Davies. (2003). *Politician's Career was Destroyed by Lies and A Risky Way of Life*, Reports Michael Paterson. The Telegraph.
- Definisi Persekitaran Sosial (2012). Dewan Bahasa dan Pustaka. Dimuat turun daripada <http://prpm.dbp.gov.my> pada 19 Februari 2012.
- Gen-S.(2009). *Konvensyen Belia : Penglibatan Golongan Muda Dalam Politik Baru*.
- H. H., Eckstein. (1966). *Division and Cohesion in Democracy*. Di petik dari buku *Budaya Politik*. (m/s 9).
- Hair, F. F. (1998). *Multivariate data analysis (5th Ed.)* Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Ibrahim, S. (2008). *Kajian Sikap Golongan Berpotensi Terhadap pendaftaran Sebagai Pemilih Dan Penyertaan dalam Proses Pilihan Raya Di Malaysia*.
- Ibrahim, S. (2008). *Kajian Sikap Golongan Berpotensi Terhadap Pendaftaran Sebagai Pemilih dan Penyertaan Dalam Proses Pilihan Raya di Malaysia. Hasil Penyelidikan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia*.
- Ida, B., M. (2012). *Multilingual Demographic Dictionary*.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. (2011). *Faktor Penglibatan Belia dalam Politik*. Boleh dimuat turun daripada <http://ippbm.gov.my> pada 7 Ogos 2012.
- IPEM4215. (2012). *Teori Politik*. Dimuat turun daripada images.dragondedy.multiply.multiplycontent.com pada 20 April 2012.
- Jabatan Penerangan Malaysia. (2012). Dimuat turun daripada <http://pmr.penerangan.gov>. pada 1 Mac 2012.
- Jack, D. (1971). *Support for National and Government Among English School Children*. *British Journal of Science*.

- [Jack, M., Mcleod, Dietram, A., Scheufele](#) & Patricia, M. (1999). Community, Communication, and Participation: The Role of Mass Media and Interpersonal Discussion in Local Political Participation. Political Communication [Volume 16, Issue 3](#).
- James, A., F., Stoner, Rojer, R. Collins & Philip., W., Y. (1985). *Management In Australia*. Description, Sydney : Prentice-Hall Of Austarlia, vii, 824 p.
- James, C., A. & David, W., G. (1988). Structural Equation Modeling in Practice: A Review
- Junaidi, A., B., Mohd, F., M., J., Yahya, I., Abdul, H., S., Jeniri, A., Rosmadi, F. & Novel, L. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* (9)2012 : 191-214.
- Kamus Dewan Edisi ke 4. (2012). Dimuat turun daripada prpm.dbp.gov.my pada 5 Mac 2012.
- Kamus Dewan Edisi Ke-2 dan Ke-4. (2008). Dewan Bahasa Dan Pusaka. Dimuat turun daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=keselamatan> pada 13 Mac 2012.
- Kamus Dewan Edisi Ke-4. (2005). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kosmoonline. (2012). Dimuat turun daripada [berita@kosmo.com](http://berita.kosmo.com) pada 27 Februari 2012.
- Laporan Kiraan Permulaan, Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia. (2010). Laman Sesawang Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Sumber Statistik Rasmi Malaysia.
- Maja, T. Nicholas, W., J. (2010). Social Media and Politics: Theoretical and Methodological Considerations in Designing a Study of Political Engagement. *Social Science Research Network*.
- Malaysiakini. (2010). Golongan Muda Tidak Minat Berpolitik?. Dimuat turun daripada <http://www.malaysiakini.com> pada 5 Jun 2012.
- Malike, B. (2004). Politik Pentadbiran di Malaysia: Penilaian Pegawai Awam Terhadap Dasar Politik dan Kepimpinan Nasional. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mary, A. (2009). States, Nation and Ethnicity in Contemporary South Asia. London.
- Manimandram. (2012). Majlis Kelas Bell Belia Tamil Malaysia. Laporan Aktiviti Tahun-2012. Dimuat turun daripada manimandram.org pada 5 September 2012.

- Mohamad, M., Y. (2011), Memperkasa Budaya Politik di Kalangan Belia. *Artikel Belia*. Pusat Pengajian Komunikasi USM, Pulau Pinang. Boleh dimuat turun di www.beliapandan.my .
- Mohammad, N., O. & Shawal, k. (2008). Kredibiliti Parti-parti Politik: Adakah Punca Kemerosotan Barisan Nasional Dan Peningkatan Parti Pembangkang Dalam PRU12 Di Malaysia. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohammad, N., O., & Shawal, K. (2008). Kredibiliti Parti-Parti Politik: Adakah Punca Kemerosotan Barisan Nasional dan Peningkatan Parti Pembangkang Dalam PRU12 di Malaysia. *Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Mohammed, F., O. Muhammad, F., O. Zaheruddin, O. & Jamaludin, M. (1999). Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihan raya Umum Ke Sepuluh 1999 Di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*.
- Mohd, F., M., J., Yahaya, I., Noor, A., M., A., Abdul, H., S., & Khaidzir, I. (2009). Minat, Aspirasi dan Sokongan Politik Belia IPT Malaysia. *Jurnal Malaysian Journal of Youth Studies Jun 2009: Volume 1*. Muka Surat 1-33.
- Mohd, F., M., J., Junaidi, A., B., Abdul, H., S., Noor, A., H., M. (2011). Persepsi Politik Belia Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Special issue : Social and Spatial Challenges of Malaysian Development (105-115)*.
- Mohd, F., M., J., Junaidi, A., B., Kamarudin, M., S. (2009). Pemerintahan Pakatan Rakyat (PR): kajian Pungutan Pendapat di Kalangan kakitangan Awam Negeri Selangor, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space 5 Issue 1 (44-53)*.
- Muhammed, F., O., Muhammad, F., O., Zaheruddin, O., & Jamaludin, M. (1999). Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes Pilihan Raya Umum ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*. m/s 178-199.
- Muhammad, L., A., H. (2010). Belia dan Politik. Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA). Dimuat turun daripada artikel pembina.com.my pada 2 April 2014.
- Mujibu, A., M. (2009). Politik Permuafakatan: Satu Analisa Terhadap Amalan Politik di Negara-negara Bermasyarakat Majmuk. *Voice of Academia: The Academic Series*, Vol. 4, No. 2. UITM Kedah: UPENA

- Noor, A., K. (2009). Selangor: Pertama Capai Negeri Maju. Dimuat turun daripada Selangorkini.com pada 4 Jun 2012.
- Nor, I., B. & Norhidayah, I. (2012). Tingkat Usaha tarik Belia India Jadi Pengundi, Surat Khabar Kosmo, Rabu, 21 Mac 2012.
- Nurhelmi. I. (2009), Kepimpinan Islam : Konsep Dan Amalan, Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Pas Selangor. (2012). Kerajaan Selangor Sedia Program Latihan Untuk Belia. Dimuat turun daripada Selangor.pas.org.my pada 6 Mac 2012.
- Phillip, M. (2012). The Dearth of Culture in Sustainable Development: The Impact of Ngos.
- Rajman Hassan. (2009). Komuniti Bestari Peneraju Maklumat Komuniti Akar Umbi, Perkhidmatan Awam Bersama Melaksana Transformasi. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Richard, M., P. (1993). Third-Person Effect Research 1983-1992: A Review and Syntesis. *International Journal of Public Opinion Research*.
- Ripin On Sunday. (2011). Dimuat turun daripada dunpayong.blogspot.com pada 27 Februari 2011.
- Robbins, S., P. & Coulter, M. (1984). Management Concept and Prective. Printice Hall Inc.
- Rosmawati. (2011). Penentuan Saiz Sampel. Dimuat turun daripada <http://rosma212.wordpress.com> pada 3 Ogos 2012.
- Saifuddin, A. (2010). Benarkan Pelajar IPT Anggotai Parti Politik. Putrajaya.
- Saifuddin, A. (2012). Mahasiswa Tempatan, Keterbukaan. Sinar harian, 20 Januari 2012, boleh didapati di <http://www.saifuddinabdullah.com.my>.
- Saifuddin, A.(2011). 2011 Tahun Penuhi Permintaan Belia. Dihasilkan pada hari rabu, pukul 11.01 pagi, 5 Januari 2011.
- Samsudin, A., R. (2009). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. Jilid 26(2): 1-15.
- Senarai Kawasan Pengundi di Malaysia. (2012). Dimuat turun daripada <http://ms.wikipedia.org> pada 23 Februari 2012.
- Seta, B. (2009). Pengertian Budaya Politik dan Sosialisasi Politik. *Pengantar Ilmu Politik*.

Statistik Belia. (2006). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM).

Statistik keluar mengundi PRU ke-13. (2013). Di muat turun daripada www.spr.gov.my pada 1 Jun 2013.

Syarifah, S., S., S. (2010). Pemeraksanaan Representasi Politik Wanira di Malaysia: Analisis Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU12), 2008. *The Journal of Administrative Science*. Vol7, Issue 1, 11-37.

Syed, A., I. (1994). Penentuan Agenda: Peranan Media Massa dalam Pilihan Raya Umum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Turner, D., F. (2005). *Qualiti Surveying: Practice and Administration*. Third Edition, Longman Group UK Limited, London.

Yeo Wee Teck. (t.thn). Probability Proportional to Size (PPS) Cluster Sampling: Application in the Military Setting, boleh dimuat turun di <http://www.internationalmta.org>.

Worran, K. (2008). Prosiding Seminar Politik Malaysia. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). Universiti Teknologi Mara. Shah Alam

Zaherawati, Z. (2008). Peranan Wanita Dalam Politik Dan Pembangunan Di Malaysia : Satu Tinjauan. *Prosiding Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbit Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.

Zaini, O. (2006). Demokrasi di Negara Sedang Membangun: Pengamalan Asia Tenggara. *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*, hlm. 26-49. Bangi: penerbit UKM.

Zulkifli, J. & Kamil, M. (2012). Kisah Kejayaan Untuk Belia. Utusanonline. Dimuat turun daripada www.utusan.com.my pada 4 Jun 2012.